

07 AUG 2003

Kadir-Merdeka

IMBAS KEMBALI KEJAYAAN MALAYSIA ANTARA LIMA ACARA TUNGGAK

KUALA LUMPUR, 7 Ogos (Bernama) -- Acara imbas kembali kejayaan Malaysia semasa di bawah pimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selama tempoh 22 tahun, adalah antara lima acara tunggak sempena sambutan Bulan Kemerdekaan yang bermula pada 17 Ogos ini.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir berkata, acara itu akan berlangsung semasa perarakan sambutan Hari Kemerdekaan pada 31 Ogos di Dataran Putra, Putrajaya.

"Kita rasa sedih kerana ini adalah perayaan terakhir Perdana Menteri, jadi kita akan imbas kembali dengan pelbagai cara, kejayaan kita (di bawah pimpinan beliau) antara 1981 hingga 2003," katanya pada sidang media mengenai sambutan Bulan Kemerdekaan, di sini hari ini.

Beliau berkata selain itu sambutan Bulan Kemerdekaan kali ini juga mempunyai kelainan yang mana pada ahang 31 Ogos -- jam 12 tengah malam 30 Ogos, semua pusat tol yang beroperasi di seluruh negara akan ditutup seketika.

Ia, katanya bagi membolehkan pengguna tol turut merayakan sambutan itu di mana nyanyian lagu Negaraku dan kibaran Jalur Gemilang dilakukan di semua pusat tol di negara ini.

"Semua kenderaan kena berhenti dan menghormati nyanyian lagu Negaraku dan pengibaran Jalur Gemilang yang akan dilakukan pada jam 12 tengah malam," katanya.

Acara-acara lain termasuk Pelancaran Bulan Kemerdekaan dan pengibaran Jalur Gemilang peringkat kebangsaan yang akan dilakukan oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di Melaka pada 17 Ogos ini.

Pada majlis itu Abdullah juga akan melancarkan acara imbas kembali detik-detik Bapa Kemerdekaan Tunku Abdul Rahman Putra Alhaj mengisytiharkan tarikh kemerdekaan Tanah Melayu sekembalinya dari London.

Selain itu, acara keagamaan mengikut agama masing-masing juga akan diadakan dan bagi penganut agama Islam, semua masjid di seluruh negara akan memperdengarkan khutbah Jumaat kemerdekaan dan bacaan doa selamat pada 29 Ogos ini, katanya.

Beliau berkata, pada hari itu Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullai, diiringi Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri serta Menteri-menteri Kabinet yang beragama Islam akan hadir menunaikan sembahyang Jumaat di Masjid Negara.

"Kemuncak perayaan ialah perarakan sambutan Hari Kemerdekaan yang akan berlangsung di Dataran Putra, Putrajaya buat pertama kalinya," katanya.

Abdul Kadir berkata, pemilihan Putrajaya adalah sebagai hadiah utama dan tanda terima kasih negara dan rakyat kepada Dr Mahathir yang menjadi arketik yang bertanggung jawab membentuk Malaysia dan bangsa Malaysia seperti sekarang ini sebelum beliau bersara selepas Oktober ini.

Katanya, acara penutup sambutan bulan kemerdekaan itu akan diadakan di Sabah sempena mengingati tarikh kemerdekaan Sabah dan Sarawak ke Malaysia.

"Saya merayu kepada semua rakyat supaya selama sebulan ini kita ketepikan semua perbezaan agama, kaum, bahasa, bangsa dan politik, sebaliknya kita semua bersatu hati, tenaga, rayakan kemerdekaan yang telah kita kecapai," katanya.

Beliau juga berharap semua golongan masyarakat mengambil bahagian dalam merayakan sambutan bulan kemerdekaan dan tidak ketinggalan mengibarkan Jalur Gemilang di mana-mana saja.

-- BERNAMA  
NER NM ZB